

## TERMA DAN SYARAT KEMPEN MUSLIMAH JOM MEMBELI

**KEMPEN MUSLIMAH JOM MEMBELI (Kempen)** ini dianjurkan oleh Bank Rakyat. Dengan menyertai kempen ini, peserta yang layak (seperti yang ditakrifkan di bawah) hendaklah membaca dan memahami serta bersetuju untuk terikat dan menerima semua terma dan syarat yang terkandung di sini.

### A. Syarat-syarat Kelayakan Kempen

1. Kempen ini terbuka kepada semua pemegang Kad Kredit-i atau Kad Debit-i Bank Rakyat yang baharu dan sedia ada (Peserta).
2. Kempen ini juga terbuka kepada warga kerja Bank Rakyat.
3. Penyertaan adalah secara pendaftaran manual di Muslimah Fest (sila rujuk Perenggan D).
4. Akaun pemegang kad mestilah berstatus aktif.

### B. Tempoh Kempen

1. Kempen ini akan bermula dari 22 Oktober hingga 22 Disember 2024 (tiga bulan) seperti ketetapan berikut:

<b>Program:</b>	Reruai Jualan Muslimah		Muslimah Fest
<b>Tarikh &amp; Masa:</b>	22 – 23 Oktober 2024 (10am-4pm)	November 2024	20 – 22 Disember 2024 (10 am-10pm)
<b>Lokasi:</b>	Aras G, Menara Kembar Bank Rakyat	Akan dimaklumkan kelak	Mid Valley Exhibition Centre

2. Bank Rakyat boleh mengubah atau meminda tempoh kempen dan lokasi Reruai Jualan Muslimah dari semasa ke semasa jika perlu.

### C. Mekanisme dan Hadiah Kempen

1. Peserta yang memenuhi syarat dan kelayakan kempen berpeluang untuk memenangi hadiah yang ditawarkan di bawah:

<b>Kategori</b>		<b>Hadiah</b>	<b>Mekanisme/ Kriteria</b>
<b>Hadiah Utama</b>	Pertama	RM10,000.00 baucar wang tunai beg tangan mewah pilihan pemenang	1) Pemegang kad perlu melakukan transaksi pembelian dengan jumlah terkumpul minimum RM500.00 di mana-mana lokasi Program sepanjang tempoh kempen (Reruai Jualan Muslimah dan Muslimah Fest). 2) Semua bentuk transaksi runcit (PIN/pembayaran tanpa sentuh/kod QR) adalah sah untuk penyertaan.
	Kedua	RM7,000.00 baucar wang tunai beg tangan mewah pilihan pemenang	
	Ketiga	RM5,000.00 baucar wang tunai beg tangan mewah pilihan pemenang	

Kategori	Hadiah	Mekanisme/Kriteria
<b>Hadiah Harian di Muslimah Fest</b>	Wafer emas 999.9 (1g) x 5-unit x 3 hari	1) Pemegang kad dikehendaki melakukan transaksi pembelian dengan jumlah terkumpul minimum RM250.00 di mana-mana lokasi Program sepanjang tempoh kempen (Reruai Jualan Muslimah dan Muslimah Fest). 2) Semua bentuk transaksi runcit (PIN/pembayaran tanpa sentuh/kod QR) adalah sah untuk penyertaan.
	Gelang tangan perak Habib 925 (berbentuk hati) x 10-unit x 3 hari	
	RM100.00 baucar beli belah x 10-unit x 3 hari	
	RM100.00 kad petrol x 10-unit x 3 hari	
	Tumbler Montigo x 100-unit sehingga kehabisan stok	

2. Peserta perlu menyimpan resit pembayaran sebagai bukti pembelian dan bagi tujuan pendaftaran penyertaan Kempen serta bagi tujuan cabutan untuk hadiah utama dan hadiah harian semasa di Muslimah Fest.

#### D. Pemilihan Pemenang

##### 1. Hadiah Utama

- Setiap pelanggan (jika dipilih sebagai pemenang hadiah) layak memenangi SATU (1) hadiah sahaja sepanjang tempoh kempen.
- Pemenang akan dihubungi oleh Bank Rakyat berdasarkan maklumat hubungan yang disediakan oleh pelanggan kepada Bank Rakyat.
- Tempoh pendaftaran untuk kempen tamat pada 22 Disember 2024, Ahad jam 8.00 malam di lokasi Muslimah Fest.
- Pemilihan pemenang akan ditentukan oleh Bank Rakyat melalui jawatankuasa yang ditetapkan oleh Bank untuk kempen tersebut.
- Pengundian akan dijalankan secara rawak menggunakan sistem berkomputer **atau** secara manual.
- Semua keputusan adalah muktamad dan sebarang surat-menyurat, bantahan atau rayuan tidak akan dilayan.
- Pemenang akan dimaklumkan melalui khidmat pesanan ringkas (SMS), panggilan telefon atau kaedah lain yang bersesuaian. Bank Rakyat TIDAK akan bertanggungjawab sekiranya pemenang tidak dapat dihubungi atau gagal menghubungi Bank Rakyat untuk tuntutan hadiah.
- Bank Rakyat berhak untuk memilih pemenang yang layak seterusnya daripada senarai simpanan/ menunggu sekiranya pemenang yang dimuktamadkan tidak dapat dihubungi, enggan menerima hadiah dan sebarang sebab lain yang berkaitan yang membolehkan Bank Rakyat memilih pemenang lain daripada senarai simpanan/ menunggu.
- Hadiah yang ditawarkan untuk kempen ini tidak boleh ditukar kepada wang tunai.

##### 2. Hadiah Harian

- Setiap pelanggan (jika dipilih sebagai pemenang hadiah) layak memenangi SATU (1) hadiah sahaja sepanjang tempoh kempen.
- Pemilihan dan pengumuman pemenang akan ditentukan oleh dan mengikut budi bicara mutlak jabatan Pemasaran semasa acara tiga hari di Muslimah Fest.
- Pemilihan pemenang akan ditentukan oleh Bank Rakyat melalui jawatankuasa yang ditetapkan oleh Bank untuk kempen tersebut.

- Pengundian akan dijalankan secara rawak menggunakan sistem berkomputer **atau** secara manual.
- Semua keputusan adalah muktamad dan sebarang surat-menyurat, bantahan atau rayuan tidak akan dilayan.
- Pemenang akan dimaklumkan melalui khidmat pesanan ringkas (SMS), panggilan telefon atau kaedah lain yang bersesuaian. Bank Rakyat TIDAK akan bertanggungjawab sekiranya pemenang tidak dapat dihubungi atau gagal menghubungi Bank Rakyat untuk tuntutan hadiah.
- Bank Rakyat berhak untuk memilih pemenang yang layak seterusnya daripada senarai simpanan/menunggu sekiranya pemenang yang dimuktamadkan tidak dapat dihubungi, enggan menerima hadiah dan sebarang sebab lain yang berkaitan yang membolehkan Bank Rakyat memilih pemenang lain daripada senarai simpanan/menunggu.
- Hadiah yang ditawarkan untuk kempen ini tidak boleh ditukar kepada wang tunai.

#### **E. Terma dan Syarat Am**

1. Dengan menyertai kempen ini, peserta atau pelanggan secara nyata bersetuju membenarkan data peribadi mereka dikumpul, diproses dan digunakan oleh Bank Rakyat mengikut Notis Privasi Bank Rakyat yang boleh dilayari di [www.bankrakyat.com.my](http://www.bankrakyat.com.my).
2. Peserta atau pelanggan bersetuju memberikan hak eksklusif kepada Bank Rakyat untuk mencetak dan menerbitkan nama serta gambar bagi tujuan promosi di akhbar, majalah, laman web korporat Bank atau mana-mana saluran sesuai yang ditetapkan oleh Bank.
3. Dengan menyertai kempen ini, peserta atau pelanggan bersetuju untuk membenarkan Bank, anak syarikat, sekutu, pemegang lesen, pengarah, pegawai, ejen, kontraktor bebas dan agensi pengiklanan penggunaan promosi nama pelanggan dan butiran peribadi (jika diperlukan) untuk komunikasi, perdagangan promosi, secara keseluruhan dalam mana-mana media yang dirancang sekarang atau selepas ini tanpa pampasan lanjut melainkan dilarang oleh undang-undang.
4. Melainkan dinyatakan sebaliknya, Bank Rakyat boleh meminda, membatalkan atau menambah mana-mana Terma dan Syarat ini dari semasa ke semasa dengan memberi notis terlebih dahulu di laman web Bank atau mana-mana medium komunikasi lain yang sesuai dan sebarang pindaan, pembatalan atau penambahan akan berkuat kuasa selepas notis dikeluarkan atau diterbitkan.
5. Bank Rakyat berhak untuk menolak dan/atau mengeluarkan mana-mana penyertaan yang tidak tepat, tidak lengkap, mencurigakan atau tidak sah serta tidak memenuhi syarat seperti yang dinyatakan dalam Terma dan Syarat.
6. Bank Rakyat tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kelewatan, kerugian, kekurangan atau kerosakan yang berkaitan dengan karya seni atau pembayaran kepada pemenang.
7. Bank Rakyat tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kelewatan, kehilangan, kekurangan, kerosakan dalam borang penyertaan, pemberitahuan atau sebarang surat-menyurat sama ada melalui e-mel, surat atau medium komunikasi yang sesuai.

8. **PENAFIAN: TERTAKLUK PADA APA YANG DIBENARKAN OLEH UNDANG-UNDANG, BANK RAKYAT DAN ANAK SYARIKATNYA TIDAK AKAN BERTANGGUNGJAWAB KEPADA PELANGGAN/PESERTA ATAU MANA-MANA PIHAK KETIGA (KECUALI UNTUK LIABILITI YANG TIMBUL DARI KECUAIAN MELAMPAU, SALAH LAKU, SENGAJA, FRAUD ATAU KEINGKARAN SENGAJA BANK RAKYAT) UNTUK KEROSAKAN LANGSUNG, TIDAK LANGSUNG, KHAS, SAMPINGAN, GANTI RUGI TELADAN ATAU AKIBAT KEROSAKAN (TERMASUK KEHILANGAN PENGGUNAAN, DATA, PERNIAGAAN ATAU KEUNTUNGAN) YANG TIMBUL DARIPADA ATAU BERKAITAN DENGAN PENYERTAAN DALAM KEMPENINI, SAMA ADA LIABILITI TERSEBUT BERLAKU BERPUNCA DARIPADA APA-APA TUNTUTAN BERASASKAN KEPADA KONTRAK, JAMINAN, TORT (TERMASUK KECUAIAN), LIABILITI KETAT ATAU SEBALIKNYA, DAN SAMA ADA PELANGGAN/PESERTA TELAH DINASIHATKAN ATAU TIDAK KEMUNGKINAN KERUGIAN ATAU KEROSAKAN BOLEH BERLAKU.**
9. Bank Rakyat tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kemungkinan yang disebabkan oleh bencana alam, perang, rusuhan, perintah berkurung, kebakaran, banjir, kemarau, ribut, epidemik atau pandemik, kegagalan sistem atau sebarang keadaan di luar kawalan Bank.
10. Dengan menyertai kempen ini, peserta atau pelanggan secara nyata bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat yang terkandung di sini, termasuk keputusan Bank Rakyat yang muktamad, mengikat dan konklusif.
11. Terma dan Syarat akan ditadbir dan ditafsirkan mengikut undang-undang di Malaysia. Untuk maklumat dan pertanyaan lanjut, sila hubungi Pusat Panggilan Bank Rakyat di 1300 80 5454, kunjungi cawangan Bank Rakyat atau layari laman web rasmi Bank Rakyat di [www.bankrakyat.com.my](http://www.bankrakyat.com.my)